



Festival. Forum. Kelas Seni Awam. Dialog. Pameran dan Banyak Lagi.



ISI KANDUNGAN

- 4** Apa itu *Art In The City*
- 6** Kata aluan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- 8** Kata aluan oleh Pengerusi MyCreative Ventures
- 10** Kata aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA
- 12** Forum Ekonomi Kreatif Kuala Lumpur (KUL.CEF)
- 14** *Open Arts Classess*
- 16** Panggung Rakyat
- 18** Studio C
- 20** KLWKND
- 22** Projek *Light*
- 24** SENSORii
- 26** Simposium Ulangtahun Ke-50 Kongres Kebudayaan Kebangsaan
- 28** TripART: CIMB ARTOBER & *Arts For All Seasons*
- 30** Mengenai CENDANA & MyCreative Ventures
- 31** Rakan kolaborasi *Art In The City 2021*

Apa itu *Art In The City*

Art in The City (AIRC) adalah antara salah satu platform seni utama Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) yang melibatkan khalayak ramai. Setelah lebih dari satu tahun COVID-19 melanda, ianya telah menutup sektor ini. Justeru, AIRC edisi ke-3 ini bertujuan untuk menjangkau, memulakan semula, menghidupkan kembali dan membangun negara melalui sektor seni dan budaya, sehingga memacu ekonomi negara bersama dengan aktiviti dan peluang pekerjaan, sambil menyumbang kepada pertumbuhan organik dalam masyarakat.

AIRC didedikasikan untuk seni budaya, dengan lebih daripada 100 program dinamik, meriah dan optimis yang disajikan tahun ini. Dengan kejayaan dan kemeriahan yang telah dianjurkan sejak tahun 2018, AIRC kini merangkumi pelbagai persembahan muzik, tarian, kraf, teater, filem, makanan, warisan, sejarah dan banyak lagi yang akan diadakan dari 14 Oktober hingga 28 Disember 2021.

Bersama-sama dengan komuniti seni budaya, dan usahasama daripada pihak swasta dan kerajaan, CENDANA berharap dapat mendorong rakyat Malaysia untuk mengalami seni dan mengunjungi tempat dan pusat seni tempatan. Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang menarik sepanjang tiga bulan terakhir sebelum 2021 melabuhkan tirai, CENDANA berharap agar rakyat Malaysia dapat merasai dan mendalami seni sambil menjaga SOP supaya wabak COVID-19 ini dapat diperangi. Ianya tidak lain tidak bukan demi memastikan keselamatan dan kesihatan semua.

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.baskl.com.my/aitc.





KATA ALUAN OLEH YB TAN SRI DATUK SRI PANGLIMA TPR ANNUAR HAJI MUSA MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada CENDANA dan semua pihak terlibat yang berusaha dengan gigih dalam persiapan *Art In The City 2021* edisi ke-3 Oktober – Disember 2021.

Program yang berasaskan aspirasi seni budaya untuk melonjakkan ekonomi kreatif ini menantikan anda semua. Usaha ini diadakan untuk mempromosikan seni budaya tempatan kepada khalayak ramai. Pendekatan ini juga akan memberi impak signifikan terhadap kumpulan sasaran dan seterusnya menjadi rujukan dalam usaha merapatkan jurang diantara rakyat, komuniti seni, kerajaan serta pihak swasta.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan bangganya menyokong AITC dan teruja dengan apa yang akan diadakan bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi juga Batu Pahat, Melaka, Ipoh, Butterworth dan Kuching. Pastinya pihak KKMM akan sentiasa komited untuk memberikan sokongan padu kepada sektor seni budaya yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara di peringkat nasional dan global. Sektor ini membuka peluang kepada komuniti seni untuk mencetus lebih banyak idea, kreativiti dan inovasi yang boleh dikomersilkan untuk menjana ekonomi. Diharapkan juga usaha ini dapat membantu merencanakan pemulihan ekonomi negara dan juga penggiat seni, artisan serta pekerja tadbir negara yang telah terkesan dalam tempoh wabak COVID-19.

Harapan saya adalah agar seluruh warga AITC 2021 dapat bersama-sama menjayakan visi dan misi yang diikrarkan bagi merealisasi agenda kemakmuran bersama yang menjadi aspirasi rakyat.

Sesungguhnya Kementerian ini membulatkan tekad dengan memastikan semua perancangan dan program pembangunan dilaksanakan dengan strategik serta berkesan menerusi pelan strategik masing-masing.

KATA ALUAN OLEH ENCIK NOOR AZMI MAT SAID PENGERUSI MYCREATIVE VENTURES

Salam Sejahtera. *Art In The City 2021* ini bakal menyalurkan kepada masyarakat dengan pelbagai aspek seni yang menarik. Justeru, perayaan seni budaya ini diharapkan dapat menyatukan dan menggalakkan masyarakat menyelami ilmu dan pemahaman tentang seni budaya.

AITC ini dibangunkan secara menyeluruh dan berstruktur yang mana setiap program dibawahnya telah dirancang bersama penggiat seni budaya negara serta pihak swasta agar bukan sahaja mempunyai elemen seni budaya yang dapat kita hayati secara bersama, tetapi juga mempunyai ciri-ciri atau identiti yang jelas untuk dijadikan aras rujukan ke hadapan.

Dalam membangunkan ekonomi kreatif yang mampan, platform-platform seperti yang disediakan melalui AITC ini adalah amat penting. Ini adalah kerana, ia dapat memberi peluang kepada penggiat seni kreatif untuk menghasilkan karya mereka dan berkongsi kepada khalayak, bukan sahaja masyarakat secara amnya tetapi juga pemegang taruh dan pembuat polisi, agar industri ini dapat terus dimartabatkan dan menjadi salah satu penyumbang utama kepada pendapatan negara di masa hadapan.

Kumpulan MyCreative Ventures yakin akan dapat merencanakan kembali penglibatan seni budaya di peringkat global seperti yang dirancang sebelum ini. Kami mahu menjadikan Malaysia sebagai destinasi yang dikenali dengan daya tarikan kreativiti kesenian dan kebudayaan yang mempunyai keunikan tersendiri.

Akhir kata, tahniah kepada CENDANA dan warga seni budaya yang terlibat dalam semoga dalam menjayakan program ini.





KATA ALUAN OLEH IZAN SATRINA MOHD SALLEHUDDIN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CENDANA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Selamat datang ke *Art In The City 2021* sebagai halacara untuk melaksanakan agenda pembangunan seni budaya. AITC tahun ini meraikan bakat penggiat seni yang telah membentuk sektor seni budaya negara.

Oleh kerana pandemik COVID-19, industri kreatif telah ditutup sejak Mac 2020 dan memberi impak negatif kepada sektor seni budaya. Namun, setelah industri kreatif dibuka, masa yang amat sesuai untuk CENDANA membawa kembali AITC setelah usaha ini tertangguh pada tahun 2020. Program AITC ini diharapkan dapat memberi sinar baharu kepada semua masyarakat bagi menyemarakkan lagi sektor seni budaya di Malaysia. Seajar dengan Pelan Pemulihan Negara, kami di CENDANA amat berharap agar usaha ini dapat mencapai matlamat untuk memberi peluang pekerjaan kepada sehingga 2,000 orang dan memulihkan ekonomi yang terjejas akibat pandemik ini.

Dalam merancang lagi sektor seni budaya ini, kami menyediakan pelbagai jenis program untuk semua goloangan masyarakat. Pastikan anda tidak terlepas untuk menyertai forum KUL.CEF, belajar dari para seniman, Adiguru CENDANA melalui *Open Arts Classes*, persembahan oleh tokoh warisan negara melalui *Panggung Rakyat CENDANA*, arca seni cahaya dan persembahan yang akan ditampilkan di *Projek Light*, festival bandaraya KLWKND, promosi kraf melalui *Studio C*, pameran seni media *SENSORii* dan diskusi tentang budaya negara melalui *Simposium Ulangtahun ke-50 Kongres Kebudayaan Kebangsaan*. Dalam usaha mengakrabkan pihak swasta dan komuniti seni budaya, CENDANA juga mengalu-alukan usahasama bersama CIMB dan Yayasan Hasanah dalam kolaborasi *TripART*.

Tahniah diucapkan kepada penggiat seni dan pihak swasta yang terlibat. Semoga segala perancangan dan strategi yang dibina bersama ini akan dapat kita jayakan dengan cemerlang.

FORUM KUL.CEF

Tarikh: 14 Oktober 2021

Tempat: Melalui Zoom

Kemasukan: Percuma

Pendaftaran: https://bit.ly/kulcef_registration

Forum KUL.CEF ialah antara forum ekonomi seni budaya utama di rantau Asia Tenggara. Ia merupakan sebuah forum susulan daripada Forum Ekonomi Kreatif yang telah diadakan pada Oktober 2020 dan adalah sebuah acara tempatan yang juga diadakan sempena Tahun Ekonomi Kreatif bagi Pembangunan Lestari Antarabangsa. KUL.CEF ini akan disusuli dengan Forum Ekonomi Kreatif dan Budaya Dunia anjuran Rakan MOU CENDANA yang akan berlangsung di Dubai Expo pada 7-9 Disember 2021 yang bertemakan *Inclusively Creative: Curating the Future*.

KUL.CEF membawakan bersama-sama komuniti seni, para dermawan dan badan-badan korporat demi manfaat bersama dalam mencipta sektor budaya yang lebih mampan, menarik dan bercita-cita tinggi. Forum ini melibatkan ucap-tama, perbincangan panel yang terdiri daripada badan-badan korporat dan yayasan serta peluang untuk mendengar dan bertemu dengan wakil-wakil ekosistem seni tempatan dan antarabangsa.

Usaha pembangunan kreativiti Malaysia melalui kolaborasi, sumbangan dan tanggungjawab sosial korporat adalah penting demi pembangunan Malaysia secara holistik. Oleh itu, keterlibatan para kolaborator dan badan-badan korporat adalah antara tunjang utama dalam pembangunan yang lebih efektif dan bermakna terhadap sektor seni dan seterusnya ekonomi kreatif.

Antara pencerama-penceramah yang bakal menyertai Forum ini termasuklah, Jason Bevan, mantan Ketua Pembangunan Kreativiti dan Naib Presiden Pemasaran EMEA Warner Bros Studios serta Pengasas dan Pengarah Urusan Content Creator Studios, Lord Ed Vaisey, mantan Menteri Teknologi, Komunikasi dan Budaya United Kingdom, Yang Berhormat Ridwan Kamil, Gabenor Jawa Barat, Indonesia, Suk Young Kim, Pakar Industri Kpop dari Korea Selatan dan ramai lagi penceramah tempatan dan antarabangsa hebat yang terlibat.

KUL.CEF dianjurkan bersama Persatuan Alumni Felo Perdana.

Bengkel potongan cukai korporat untuk seni budaya akan dianjurkan pada 20 Oktober untuk pihak swasta dan industri. Perbincangan Seni Budaya bersama amalan ESG akan dianjurkan pula pada 27 Oktober.



Butiran program KUL.CEF

| Masa | Program | Penceramah |
|-------|--|---|
| 09:30 | Persembahan Pembukaan | |
| 09:40 | Ucapan Aluan | Izan Satrina Mohd Sallehuddin, Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA |
| 09:50 | Ucapan Pembukaan | Noor Azmi Mat Said, Pengerusi MyCreative Ventures |
| 10:05 | Ucapan Perasmian | YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| 10:20 | Ucapan I: Merancang dengan Pesat bagi Ekonomi Kreatif | Jason Bevan, bekas Ketua Pembangunan Kreativiti dan Naib Presiden Pemasaran EMEA Warner Bros Studios; Pengasas & Pengarah Urusan Content Creator Studios Pengenalan oleh: YBhg. Dato' Seri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| 10:50 | Ucapan II: Gelombang Korea (Hallyu) - Kebangkitan Ekonomi Kreatif Korea & Budaya Pop | Prof. Suk Young Kim, Pensyarah Kajian Teater dan Persembahaan di UCLA dan Pakar Industri KPOP Pengenalan oleh: Junady Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MyCreative Ventures |
| 11:20 | Sesi Panel I: Memperkukuhkan Peranan Korporat dalam Membangunkan Semula Industri Kreatif dan Budaya | Melanie Huang, Pengarah Transformasi Industri dan Perniagaan, National Arts Council Singapore Leo Silitonga, Pengarah Urusan di Art Moments Jakarta Fiona Menzies, Ketua Pegawai Eksekutif, Creative Partnerships Australia Prof. Dr Joseph Gonzales, Pengasas ASK Dance Company Moderator: Sunitha Janamohanam, Pensyarah Seni, LASALLE |
| 12:20 | Rehat | |
| 13:45 | Persembahan II | |
| 14:00 | Ucapan Khas: Malaysia Kini Dibuka | Akan diumumkan |
| 14:15 | Ucapan III: Pembangunan Negara melalui Dasar Budaya dan Kreatif | Lord Ed Vaisey, Mantan Menteri Teknologi, Komunikasi dan Budaya United Kingdom Pengenalan oleh: Izan Satrina Mohd Sallehuddin, Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA |
| 14:50 | Sesi Panel II: Menyumbang ke arah pengembangan seni dan budaya di Malaysia sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals) | Mohamed Rafe Mohamed Haneef, Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Foundation Izlyn Ramli, Pengarah, Yayasan Telekom Malaysia Jacqueline Fong, Pengarah, Tanoti Lee Jia Ping, Pengasas Tempatico Sdn. Bhd. Moderator: Professor Dr Neethiahnanthan A/L M Ari Ragavan, Executive Dean of Faculty of Social Sciences & Leisure Management, Taylors University |
| 15:35 | Ucapan IV: Ekonomi Kreatif sebagai Sumber Pengukuhan Ekonomi | Yang Berhormat Ridwan Kamil, Gabenor Jawa Barat, Indonesia, Pengenalan oleh: Hamdan Majeed, Pengarah Urusan Think City |
| 16:05 | Ucapan Penutup | YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Perlancongan, Seni dan Budaya Malaysia |
| 16:35 | Tamat | |

OPEN ARTS CLASSES

Tarikh: 29 Oktober – 21 November 2021

Tempat: Melalui Zoom

Kemasukan: Percuma

Pendaftaran: <https://tinyurl.com/openartsclasses>

Menerusi *Open Arts Classes* CENDANA, anda dapat belajar secara langsung daripada daripada seniman, Adiguru dan karyawan dari seluruh negara. Para penggiat seni yang terlibat dalam kelas seni awam ini terdiri daripada seniman yang berpengalaman tinggi dalam bidang seni persembahan, seni visual, muzik dan kraf.

Kuasai kemahiran baharu yang merangkumi seni kreatif buatan tangan, menguasai teknik persembahan, penghasilan atau pengurusan projek seni, tutorial di sebalik tabir, pembuatan kraf dan banyak lagi.

Kelas percuma ini berlangsung setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad selama empat minggu bermula 29 Oktober sehingga 21 November 2021. Terdapat sebanyak 20 kelas yang boleh anda pilih dan sertai sepanjang tempoh ini.

Kelas ini terbuka kepada semua, walaupun tiada pengalaman seni sebelum ini dan ada juga pilihan buat peserta yang lebih berpengalaman.

Open Arts Classes dianjurkan bersama Sarah Amer - Samasana Events Sdn. Bhd.

ART IN THE CITY KUALA LUMPUR 2021

29/10 - 21/11

OPEN ARTS CLASSES

Seni Persembahan
Seni Visual
Muzik Independen
Kraftangan
Sejarah Seni

CENDANA

Butiran program *Open Arts Classes*

Minggu 1

29 Oktober 2021, Jumaat
8 - 10 mlm: Produksi Muzik Semudah ABC bersama Takahara Suiko

30 Oktober 2021, Sabtu
10 pagi - 12 mlm: Kisah Tekstil Pua Kumbu bersama Dr Welyne Jeffrey Jehom

2 - 4 ptg: Seni Lakonan Monolog Dalam Teater dan Skrin bersama Adlin Aman Ramli

31 Oktober 2021, Ahad
10 pagi - 12 tengah hari: Melangkah Ke Dunia Ukiran Kayu-Mengukir Pipit Teleng Terengganu bersama Adiguru CENDANA Norhaiza Noordin

2 - 4 ptg: Pelukis & Industri-Satu Tinjauan Praktikal Professional dari Studio ke Galeri bersama Jalaini Abu Hassan

Minggu 2

5 November 2021, Jumaat
8 - 10 mlm: Pahlawan Kontemporari bersama Alena Murang, Jonathan Wong Ketshin dan Joshua Maran

6 November 2021, Sabtu
10 pagi - 2 tengah hari: Mengimbu Evolusi Lanskap Muzik di Malaysia bersama Dato' Johari Salleh

2 - 4 ptg: Tarian Kenyah Tradisional-Kancet Laki dan Kancet Leto bersama The Tuyang

7 November 2021, Ahad
10 pagi - 12 tengah hari: Menghidupkan Kembali Seni Batik bersama Fern Chua

2 - 4 ptg: Menggabungkan Tafsiran dan Seni Anda Tersendiri bersama Anniketyni Madian

Minggu 3

12 November 2021, Jumaat
8 - 10 mlm: Mencari Suara Anda-Asas Vokal bersama Datuk Syafinaz Selamat

13 November, Sabtu
10 pagi - 12 tengah hari: Angin dan Semangat - Menerokai Nadi dan Naluri Seni Tradisional Tanah Air bersama Eddin Khoo

2 - 4 ptg: Memahami Tarian Bharata Natyam bersama Shankar Kandasamy (Temple of Fine Arts)

14 November, Ahad
10 pagi - 12 tengah hari: Tenunan Songket Semasa Pandemi bersama Tanoti Crafts

2 - 4ptg: Menerokai Seni Melalui Grafiti bersama Kenji Chai

Minggu 4

19 November, Jumaat
8 - 10 mlm: Belajar Muzik Tradisional Gampus bersama Adiguru CENDANA Mohd Radzi Othman

20 November, Sabtu
10 pagi - 12 tengah hari: Melestarikan Sejarah Muzik Malaysia bersama Paul Augustin

2 - 4ptg: Menghargai Kesenian Mak Yong bersama Adiguru CENDANA Zamzuriah Zahari

21 November, Ahad
10 pagi - 12 tengah hari: Menerokai Karya Manik Borneo bersama Eleanor Goroh

2 - 4 ptg: Mempromosikan Karya Seni Malaysia bersama Lim Wei-Ling

Kelas Seni Awam dianjurkan bersama Sarah Amer - Samasana Events Sdn. Bhd.



Ihsan Tuyang Initiative, foto oleh Harvey

Ihsan Temple of Fine Art, foto oleh Kasthoori & Thachayani Ramanaidu

Ihsan Mah Meri Cultural Village

PANGGUNG RAKYAT

Tarikh: Oktober – Disember 2021
 Tempat: Melalui Facebook Live CENDANAMalaysia
 Kemasukan: Percuma
 Pendaftaran: Tidak perlu

Panggung Rakyat mula diadakan pada tahun 2019 dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai sebuah program seni bulanan yang menampilkan persembahan-persembahan kesenian asli.

Program ini bertujuan untuk menarik para penonton untuk lebih menyelami kesenian, meraih pandangan serta perbualan yang menyatukan rakyat melalui seni dan budaya serta memberi pengalaman seni yang mengasyikkan kepada semua.

Bagi edisi tahun 2021, Panggung Rakyat akan diadakan di atas talian sebagai langkah membendung wabak COVID-19 dan akan bersiaran sebanyak 2 kali sebulan sehingga bulan Disember 2021. Antara persembahan yang akan ditampilkan termasuklah:



| TARIKH | PERSEMBAHAN |
|-------------|---|
| 9 Oktober | Kompang Jidor (Johor) Dianjurkan bersama PUSAKA menampilkan Persatuan Kompang Kg. Parit Madirono |
| 23 Oktober | Zapin Melayu (Johor) Dianjurkan bersama Nusantara Performing Arts Center (NusPARC) serta Yayasan Warisan Johor |
| 13 November | Kuchipudi Dianjurkan bersama Temple of Fine Arts |
| 27 November | Sounds of Sabah Dianjurkan bersama Tuyang Initiative |
| 11 Disember | Mah Meri Dianjurkan bersama Mah Meri Cultural Village |
| 24 Disember | Manora Dianjurkan bersama PUSAKA |



STUDIO C



Tarikh: 4 - 7 November 2021
 Tempat: CIMB Artober 2021 Hotel Art Fair, Element Kuala Lumpur
 Kemasukan: Percuma
 Pendaftaran: Di pintu masuk

Tarikh: 26 - 28 November 2021
 Tempat: KLWKND Art In the City Central Market, Kuala Lumpur
 Kemasukan: Percuma
 Pendaftaran: Tidak perlu

AITC 2021 akan menyaksikan pengenalan jenama baru, Studio C, yang bertujuan untuk memilih dan membentuk produk kraf Malaysia kontemporari yang berkualiti tinggi, meriah dan memberi inspirasi. Ianya mencerminkan warisan seni kita yang kaya, komitmen terhadap tanggungjawab sosial dan fokus pada masa depan yang lestari.

Dengan slogan Kraf Kami, Duniamu, usaha ini diharapkan dapat menyumbang kepada kelangsungan hidup para artisan dan seni mereka. Diharapkan usaha ini dapat memulihara warisan budaya negara yang membawa pelbagai kisah, warisan dan tradisi ke pasaran yang lebih meluas melalui platform e-dagang tempatan, kedai pop-up, acara sosial dan berkonsep.

Studio C dianjurkan oleh pihak CENDANA serta artisan negara.



DI SINI @ PANGGUNG BANDARAYA

Di Situ @ REXKL
25-28 NOV 2021
REXKL

**Sinilah
@ Pasar Seni**

KLWKND

Bamboo House

Bicara Bamboo
Mind-bending Bamboo
Bambu - Intriguing
Instruments
Bambureka Workshops

KLWKND

Tarikh: 25-28 November 2021

Tempat: Sekitar Kuala Lumpur

Kemasukan: Percuma

Pendaftaran: Akan dikongsi dalam masa terdekat

Sebagai sebahagian daripada Program *Art In The City*, KLWKND julung kali diadakan pada hujung minggu terakhir bulan November 2021 untuk khalayak ramai menghayati pelbagai program seni budaya.

Dijadual untuk berlangsung selama 4 hari berturut-turut, pengisian KLWKND merangkumi tarian, muzik, opera, fesyen, seni bina, makanan, seni visual, reka bentuk, produk kreatif, kraf tradisional, sastera, sejarah dan banyak lagi. Program-program yang direka ini adalah untuk mendorong masyarakat untuk melibatkan diri dalam pameran seni dan berpeluang untuk melihat persembahan yang memberi inspirasi dan mengagumkan.

KLWKND adalah antara usaha menjadikan pusat bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah hab serantau untuk budaya dan kreativiti. Nantikan maklumat lanjut program dan pengumuman terkini di ruangan ini.

KLWKND dianjurkan bersama Joe Sidek Productions.



PROJEK LIGHT

Tarikh: November 2021 - Mac 2022

Tempat: Kuala Lumpur, Batu Pahat, Melaka, Ipoh, Butterworth & Kuching

Kemasukan: Percuma

Pendaftaran: Akan dikongsi dalam masa terdekat

Projek *Light* merupakan program yang dijalankan dengan menghidupkan semula bandar melalui penghasilan seni dan persembahan awam yang akan diadakan di seluruh negara.

Usaha ini dijadualkan berlangsung dengan pemasangan pencahayaan sementara, bersama persembahan yang telah disusun bagi memberi inspirasi kepada masyarakat dan sektor seni budaya secara meluas dengan harapan untuk bersama-sama bangkit dari wabak ini.

Program dijangkanakan berlangsung mulai November 2021 sehingga Mac 2022 dan melibatkan beberapa bandar di Malaysia iaitu Kuala Lumpur (dengan usahasama Jun Ong-Interstellar Studio), Batu Pahat, Johor, Bandar Melaka, Melaka, Ipoh, Perak, Butterworth, Pulau Pinang dan Kuching di Sarawak.

Projek *Light* dianjurkan bersama Think City dan Pihak Berkuasa Tempatan Batu Pahat, Melaka, Ipoh, Butterworth dan Kuching.



SENSORIUM OF INVERSION/ IMMERSION (SENSORII)

Tarikh: 1 – 28 Disember 2021

Tempat: REXKL, Kuala Lumpur

Kemasukan: Percuma

Pendaftaran: Akan dikongsi dalam masa terdekat



SENSORii adalah pameran seni media yang menampilkan koleksi karya seni unjuran cahaya yang hebat oleh beberapa artis multimedia Malaysia: Lim Kok Yoong & Kc Tan, Wee Jia Foon, FLUX 28 dan Ashly Nandong & Azarikh Amran, dengan iringan muzik yang disusun oleh Ahmad Muriz Che Rose, Ketua Orkestra Belia Filharmonik Malaysia. Projek ini meneroka idea untuk membalikkan persepsi sensorial kita mengenai kerumitan dunia dalaman / luaran yang kita tinggali.

Pameran ini dikendalikan oleh kurator tersohor tanah air, Yap Sau Bin, yang pernah mempamerkan karyanya Havana Biennale, Venice Biennale, ShenZhen & Hong Kong Bi-city Biennale of Urbanism & Architecture dan banyak lagi.

Manakala, bahagian teknikal diterajui oleh Melissa Teoh yang telah mengendalikan produksi seni di peringkat antarabangsa - termasuk muzikal, opera, drama, dan konsert di Asia Tenggara, Amerika Syarikat, Australia dan Eropah.

Nikmati pameran media seni suara, muzik dan unjuran video yang pastinya memukau setiap deria di REXKL.

SENSORii dianjurkan oleh CENDANA bersama pasukan artistik dan produksi SENSORii.

NATIONAL CULTURAL CONGRESS 1971: 50 YEARS LATER

A Symposium of Reflection and Reimagining



SIMPOSIUM ULANGTAHUN KE-50 KONGRES KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Tarikh: Disember 2021
Tempat: Simposium Hibrid
Kemasukan: Percuma
Pendaftaran: Akan dikongsi dalam masa terdekat

Simposium Kongres Kebudayaan Kebangsaan akan mengumpulkan pengamal budaya dan pakar dari pelbagai komuniti dan bidang untuk menilai secara kritis perkembangan budaya di Malaysia sejak kongres, penggubalan dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971.

Walaupun Simposium ini akan menampilkan beberapa tokoh terkenal untuk memberikan pandangan mengenai Kongres Kebudayaan Kebangsaan, penekanan akan diberikan pada penyertaan generasi muda pengamal budaya. Pasukan kurator juga akan memastikan penyertaan yang seimbang antara etnik, geografi dan jantina.

Simposium ini dianjurkan oleh PUSAKA, Jurnal Svava dan CENDANA.

AN INITIATIVE BY

KONGGRES KEBUDAYAAN KEBANGSAAN
PUSAKA & SVARA



TRIPART

TripART merupakan usahasama pihak kerajaan dan swasta yang dilaksanakan untuk meraih perkongsian serta menggalakkan penyertaan khalayak ramai demi menyumbang ke arah kelestarian seni dan budaya, seiring dengan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Alami sisi seni yang istimewa Bersama CENDANA, CIMB Group dan Yayasan Hasanah.

CIMB ARTOBER

Tarikh: 1 Oktober - 31 Disember 2021
 Tempat: Element Hotel serta galeri yang terlibat
 Kemasukan: Percuma
 Pautan untuk maklumat lanjut: cimb.com.my/artober

CIMB Artober kini kembali untuk tahun kedua bagi menyemarakkan lagi industri seni kontemporari tempatan dengan menampilkan 10 galeri komersil dan melibatkan 100 orang artis dan 350 buah hasil seni dari 1 Oktober sehingga 31 Disember 2021.

10 galeri yang terlibat ialah:

- Artas Gallery
- Art WeMe
- Artemis Art
- Core Design Gallery
- Cult Gallery
- G13 Gallery
- Richard Koh Fine Art
- Segaris Art Centre
- Suma Orientalis
- TAKSU Gallery

Pelbagai pameran hebat, perbincangan seni dan aktiviti berkaitan seni telah dirancang untuk anda sertai, termasuklah Hotel Art Fair yang akan berlangsung pada 4 - 7 November 2021 di Element Hotel, Kuala Lumpur (disokong oleh CENDANA). Pelbagai tawaran istimewa disediakan buat pelanggan CIMB yang ingin melawat galeri-galeri seni, bercuti di bandar dan lain-lain lagi.

Sertai kami sepanjang tiga bulan yang penuh dengan seni, budaya dan warisan!

Beli karya dan sokong penggiat seni!



ARTS FOR ALL SEASONS

Tarikh: Oktober-Disember 2021
 Tempat: Kuala Lumpur, Sabah, Penang, Melaka dan Langkawi
 Kemasukan: Percuma
 Pautan untuk maklumat lanjut: www.artsfas.org

Nikmatilah persembahan yang memukau.

Demi menghubungkan warisan negara dengan generasi muda, Yayasan Hasanah membawakan Arts for All Seasons (ArtsFAS) yang menampilkan seni, warisan dan budaya yang dipelihara melalui acara-acara awam yang boleh disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Pada tahun ini, ArtsFAS menampilkan 21 orang artis yang bakal berkongsi 31 buah persembahan, produksi teater, bengkel, forum akademik, webinar, persembahan ensemble, perbincangan kritis dan pelbagai acara yang menarik.

Bakal berlangsung dari Oktober sehingga Disember di Kuala Lumpur, Sabah, Pulau Pinang, Melaka dan Langkawi, acara ini menjanjikan pengalaman yang tidak terbanding buat semua lapisan masyarakat.

Seramai 1,355 orang penggiat seni, budaya dan warisan dijangka bakal mendapat manfaat melalui program ArtsFAS ini yang bakal membuka peluang ekonomi dan membawa seni lebih dekat kepada audiens Malaysia.

Sertai kami dalam meraikan kepelbagaian budaya sambil menyemarakkan ekonomi kreatif negara. Bersama kita meneraju masa hadapan budaya.

Yayasan Hasanah Presents



Enjoy art from every angle

MENGENAI CENDANA

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk seni budaya ekonomi yang rancak, mampan dan berwawasan untuk Malaysia, bagi terus memartabatkan profil seni budaya ke arah pembentukan identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan lokasi yang strategik di pentas global. CENDANA disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan berada di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila layari www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

MENGENAI MYCREATIVE VENTURES

MyCreative Ventures adalah syarikat pelaburan Kerajaan yang dilancarkan pada bulan September 2012 untuk memacu industri kreatif Malaysia melalui pembiayaan yang strategik dan inovatif. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mycreative.com.my

TERIMA KASIH KEPADA RAKAN KOLABORASI ART IN THE CITY 2021



Yap Sau Bin | Ahmad Muriz Che Rose | Melissa Teoh | Lim Kok Yoong |
KC Tan | Wee Jia Foong | Ashly Nandong | Azarikh Amran

